



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

Ruj. Kami : MITI.100-1/8/19 JLD.2 (14)
Tarikh : 4 Jun 2021

PUSAT TANGGUNGJAWAB
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

SURAT EDARAN BILANGAN 3 TAHUN 2021:

**GARIS PANDUAN PENGURANGAN IMBUHAN TETAP KERAIAN (ITK)/
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) PENJAWAT AWAM BAGI BULAN
JULAI HINGGA SEPTEMBER 2021 UNTUK SUMBANGAN KEPADA AKAUN
AMANAH BENCANA BERKAITAN COVID-19**

1. TUJUAN

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengenai garis panduan pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK)/ Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) penjawat awam bagi bulan Julai hingga September 2021 untuk sumbangan kepada Akaun Amanah Bencana berkaitan COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Surat edaran ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Ketua Setiausaha Negara (KSN) rujukan JPA(S) 63/168/1 Jld.3(4) bertarikh 1 Jun 2021.
- 2.2. Pengurangan ITK/ITKA adalah untuk tempoh **tiga (3) bulan bermula dari Julai sehingga September 2021**, mengikut kadar berdasarkan gred ke atas penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang sedang berkhidmat seperti berikut :

Bil	Gred	Kadar Sumbangan
1	Gred Utama A/Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima
2	Gred Utama B/Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima
3	Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima
4	Gred 43 hingga 56 dan setara	5% daripada ITK/ITKA yang diterima
5	Gred 29 hingga 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima

2.3. Pelaksanaan ini dikecualikan kepada pegawai berikut:

- i. Penjawat awam Gred 1 hingga Gred 28 dan setara;
- ii. Anggota Barisan Hadapan (Frontliners) merangkumi petugas-petugas Kesihatan dan bukan Kesihatan yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan masing-masing; dan
- iii. Lantikan yang tidak dibayar ITK/ ITKA. Contoh: Lantikan MySTEP.

3. KAEDAH BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

3.1. Melalui Sistem Gaji Berkomputer

- i. PTJ perlu menyemak laporan potongan elaun untuk sumbangan kepada Akaun Amanah Bencana bagi penjawat awam Persekutuan yang akan dibekalkan oleh Bahagian Akaun. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut. **Laporan yang telah disahkan** perlu dihantar ke Bahagian Akaun pada atau sebelum **29 Jun 2021**.

- ii. Dokumen sokongan bagi Laporan yang telah disahkan adalah seperti berikut :
 - a. Surat Ketua Setiausaha Negara (KSN) rujukan JPA(S) 63/168/1 Jld.3(4) bertarikh 1 Jun 2021; dan
 - b. Pengesahan Ketua Jabatan bagi pegawai yang dikategorikan sebagai anggota Barisan Hadapan (Frontliners).
- iii. Sekiranya terdapat kesilapan kepada pengurangan ITK/ITKA yang melibatkan **pegawai yang dikecualikan di perenggan 3.2**, permohonan pemulangan amaun bagi ITK/ ITKA hendaklah dirujuk ke Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC), Kementerian Kewangan Malaysia tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan oleh GIC.

3.2. Melalui Arahan Pembayaran

- i. Bagi pegawai yang tiada dalam Sistem Gaji, BKK boleh dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen – **Pendapatan Bercukai (K6)** mengambil kira pengurangan ITK/ ITKA penjawat awam bermula Julai hingga September 2021.
- ii. PTJ hendaklah memastikan **tiada kecaciran** dalam pengurangan ITK/ ITKA penjawat awam melalui gaji yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).
- iii. Baris caj bagi pengurangan ITK/ ITKA penjawat awam adalah seperti berikut :

Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Vot/Dana	Kod Akaun	Perihal Kod
B6	24010101	L837	H0177409	Sumbangan Potongan Gaji

4. PENUTUP


- 4.1. PTJ adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi SPANM Bil.1/2020-Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan dan MPK HCM-04-Proses Perubahan Data Gaji.
- 4.2. Sebarang pertanyaan berkaitan surat edaran ini boleh menghubungi pegawai-pegawai di Seksyen Perundingan dan Pemantauan, Bahagian Akaun MITI di talian 03-6208 4901/ 4920/ 4906/ 4912 atau emel kepada perunding.akaun@miti.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR C.A.(M), CPA (AUST.)

s.k :

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Audit Dalam

SENARAI EDARAN

1. Encik Kalithasan a/l Kaliappan

Pengarah

Bahagian Kewangan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri

Aras 24, Menara MITI, No. 7

Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,

50480 Kuala Lumpur

2. En. Shahrul Sadri Bin Alwi

Ketua Pengarah

Jabatan Standard Malaysia

Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis

Jalan Impact, Cyber 6

63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan